BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mei 2018

Inflasi lebih tinggi pada bulan Mei 2018

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Pada bulan Mei, inflasi keseluruhan ialah 1.8%.
  - Meskipun harga bahan api dalam negeri tidak berubah, kategori *pengangkutan* mencatat inflasi lebih tinggi pada kadar 3.8%, mencerminkan kemerosotan harga pada tempoh asas bulan Mei 2017.
  - Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* pada bulan Mei terus sederhana pada kadar 2.2%. Ini sebahagiannya disebabkan oleh harga *ikan segar* yang lebih rendah.

Eksport meningkat dengan ketara pada bulan April 2018

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport meningkat dengan ketara kepada 14.0% pada bulan April 2018 (Mac: 2.2%). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen semikonduktor dan pemulihan eksport bukan E&E.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport akan terus mendapat manfaat daripada permintaan luar negeri dan harga komoditi yang menggalakkan.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Mei, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] menjadi sederhana kepada 6.8% (April: 7.2%). Pertumbuhan terbitan bon korporat terkumpul bersih turun kepada 12.2% (April: 14.3%), sebahagiannya disebabkan oleh asas yang tinggi pada tahun lalu. Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul mampan pada 4.9% (April: 4.8%).
- Pada bulan Mei, pertumbuhan pinjaman perniagaan kekal stabil pada 3.2% (April: 3.1%), berpunca daripada peningkatan perniagaan selain PKS (Mei: 1.8%; April: 0.3%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terus stabil pada 5.6% (April: 5.7%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mei 2018

Pasaran kewangan mengalami aliran keluar bukan pemastautin pada bulan Mei

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Mei, pasaran kewangan domestik mengalami tekanan jualan daripada bukan pemastautin disebabkan oleh faktor dalam dan luar negeri. Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh sentimen penghindaran risiko (risk-off) dalam pasaran serantau. Hal ini berlaku disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah yang lebih cepat oleh Federal Reserve, dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh, dan ketegangan perdagangan yang berterusan. Di dalam negeri, pelabur terus dengan sentimen yang berhati-hati kerana menunggu pendirian dasar yang lebih jelas selepas pilihan raya.
- Kesannya, FBM KLCI merosot 6.9% pada bulan tersebut, berikutan ketidakpastian yang telah menjejaskan terutamanya sektor pembinaan.
- Kadar hasil MGS 5 tahun meningkat 5.8 mata asas dalam keadaan mudah tunai yang ketat sedikit. Hal ini dicerminkan oleh spread bida-tawar yang lebih besar kepada 3.5 mata asas (April: 2.8 mata asas). Jumlah urus niaga harian purata meningkat kepada RM3.1 bilion pada bulan Mei (April: RM2.0 bilion).
- Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS. Hal ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar potfolio bersih pada bulan Mei. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai ringgit adalah sejajar dengan mata wang serantau.

Struktur pendanaan bank menyokong aktiviti pembiayaan

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Setakat 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

- Selepas pilihan raya, kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank terus kondusif untuk menyokong pengantaraan kewangan.
- Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada tahap 83.0% dan 72.5%.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada tahap 142.1%, dengan semua bank mencatat paras melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] pada 90%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 06/18/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 29 Jun 2018

SOROTAN BULANAN – MEI 2018

Inflasi lebih tinggi pada bulan Mei 2018

- Pada bulan Mei, inflasi keseluruhan ialah 1.8%.
  - Meskipun harga bahan api dalam negeri tidak berubah, kategori *pengangkutan* mencatat inflasi lebih tinggi pada kadar 3.8%, mencerminkan kemerosotan harga pada tempoh asas bulan Mei 2017.
  - Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* pada bulan Mei terus sederhana pada kadar 2.2%. Ini sebahagiannya disebabkan oleh harga *ikan segar* yang lebih rendah.

Eksport meningkat dengan ketara pada bulan April 2018

- Eksport meningkat dengan ketara kepada 14.0% pada bulan April 2018 (Mac: 2.2%). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen semikonduktor dan pemulihan eksport bukan E&E.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport akan terus mendapat manfaat daripada permintaan luar negeri dan harga komoditi yang menggalakkan.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Mei, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] menjadi sederhana kepada 6.8% (April: 7.2%). Pertumbuhan terbitan bon korporat terkumpul bersih turun kepada 12.2% (April: 14.3%), sebahagiannya disebabkan oleh asas yang tinggi pada tahun lalu. Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul mampan pada 4.9% (April: 4.8%).

[1]Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.

- Pada bulan Mei, pertumbuhan pinjaman perniagaan kekal stabil pada 3.2% (April: 3.1%), berpunca daripada peningkatan perniagaan selain PKS (Mei: 1.8%; April: 0.3%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terus stabil pada 5.6% (April: 5.7%).

Pasaran kewangan mengalami aliran keluar bukan pemastautin pada bulan Mei

- Pada bulan Mei, pasaran kewangan domestik mengalami tekanan jualan daripada bukan pemastautin disebabkan oleh faktor dalam dan luar negeri. Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh sentimen penghindaran risiko (risk-off) dalam pasaran serantau. Hal ini berlaku disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah yang lebih cepat oleh Federal Reserve, dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh, dan ketegangan perdagangan yang berterusan. Di dalam negeri, pelabur terus dengan sentimen yang berhati-hati kerana menunggu pendirian dasar yang lebih jelas selepas pilihan raya.
- Kesannya, FBM KLCI merosot 6.9% pada bulan tersebut, berikutan ketidakpastian yang telah menjejaskan terutamanya sektor pembinaan.
- Kadar hasil MGS 5 tahun meningkat 5.8 mata asas dalam keadaan mudah tunai yang ketat sedikit. Hal ini dicerminkan oleh spread bida-tawar yang lebih besar kepada 3.5 mata asas (April: 2.8 mata asas). Jumlah urus niaga harian purata meningkat kepada RM3.1 bilion pada bulan Mei (April: RM2.0 bilion).
- Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS. Hal ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar potfolio bersih pada bulan Mei. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai ringgit adalah sejajar dengan mata wang serantau.

Struktur pendanaan bank menyokong aktiviti pembiayaan

- Selepas pilihan raya, kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank terus kondusif untuk menyokong pengantaraan kewangan.
- Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada tahap 83.0% dan 72.5%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada tahap 142.1%, dengan semua bank mencatat paras melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[2] pada 90%.

Bank Negara Malaysia
29 Jun 2018

[2]Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Setakat 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my